



---

# SIARAN MEDIA

---

**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)**  
**Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti**  
**47120 PUCHONG, SELANGOR**

**Tel: 03-80649000 / 9165**

---

## **APLIKASI SISTEM PENGURUSAN DAN KAWALAN KOMPLEKS (SPKK) MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN LKIM DI KOMPLEKS Pendaratan IKAN**

**SERDANG, 11 OGOS 2022:** Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah telah melancarkan Aplikasi Sistem Pengurusan dan Kawalan Kompleks (SPKK) yang dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sempena penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Turut hadir dalam majlis ini, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM, Encik Kusuadi Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LKIM Hajah Khaironesak Omar, Tuan Haji Zulkarnain Asha'ari, Pengarah Bahagian Kawalselia Pendaratan Ikan dan Penguatkuasaan LKIM dan Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) Azrin Shah Ismail.

LKIM melaksanakan program kawalan tempat pendaratan ikan di 48 buah Pelabuhan dan Kompleks Perikanan LKIM di seluruh Malaysia. Dari aspek domestik, program ini diadakan bertujuan untuk memperkemaskan sistem pengurusan sediaada dan menambah elemen kawalan terhadap 'stakeholders' di tempat pendaratan ikan iaitu bot/vessel perikanan, pengguna dan kenderaan. Dengan wujudnya elemen kawalan, pihak pengurusan dapat menjalankan tugas dengan lebih teratur dan sistematik di samping dapat meningkatkan pencapaian perkhidmatan kepada pihak 'stakeholders'. Selain itu, pihak pengurusan kompleks juga berupaya untuk menilai dan memastikan tempat pendaratan ikan sentiasa berada dalam keadaan kondusif dan beroperasi pada kadar optimum.

Sehubungan itu, LKIM perlu mengambil tindakan proaktif bagi memastikan kawalan ke atas vesel perikanan tempatan yang berlabuh, mendaratkan ikan, menjalankan aktiviti seperti pengisian minyak, pembaikan bot/vesel nelayan dan peralatan, tambatan bot/vesel nelayan dan pengisian bahan dan input mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Antara objektif SPKK adalah:

- Mematuhi pengurusan dan kawalan di Kompleks Perikanan LKIM selaras dengan peraturan-peraturan antarabangsa melibatkan *Illegal, Unreported and Unregulated* (IUU) dan *Port State Measures Agreement* (PSMA) yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah (EU).
- Melaksanakan kawalan rasmi dan tracebiliti ikan yang didaratkan di Kompleks Perikanan LKIM.
- Memodenkan, menyeragamkan pengurusan dan kawalan yang melibatkan pengurusan, pengoperasian, aktiviti, pengawalan keluar masuk di Kompleks Perikanan LKIM.
- Memperluaskan Sistem Pengurusan dan Kawalan Kompleks Perikanan LKIM di jeti perikanan kepunyaan LKIM, Persatuan Nelayan dan juga Swasta.

Sistem SPKK ini telah mulai digunapakai mulai 4 Julai 2022 bagi fasa pertama iaitu Pendaftaran pengguna dan Kebenaran Keluar dan Masuk. Sistem ini juga adalah untuk memudahkan kerja-kerja pemantauan segala aktiviti serta meningkatkan mutu kawalan rasmi dan trancelibiti ikan yang di daratkan di kompleks pendaratan ikan LKIM.

LKIM berharap agar sistem SPKK ini menjadi penanda aras dan transformasi dalam mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan pengurusan LKIM terutama di Pelabuhan dan Kompleks Pendaratan Ikan di bawah LKIM.

**-TAMAT-**

*Dikeluarkan oleh:*

**Unit Komunikasi Korporat**

**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**

**11 Ogos 2022**